



The Sarawak Museum Journal

Vol. XL No. 61

December 1989



ISSN: 0375-3050

E-ISSN: 3036-0188

Citation: Arshad bin Abdul Rahman. (1989). Budaya yang Dirancangkan untuk Pelancongan. The Sarawak Museum Journal, XL (61): 271-278

BUDAYA YANG DIRANCANGKAN UNTUK PELANCONGAN

Arshad bin Abdul Rahman

INTRODUCTION

Kebudayaan sebagai suatu kata atau sebagai satu konsep, mempunyai erti dan tafsiran yang luas, membezakan tradisi dan warisan pelbagai masyarakat, mengingatkan pula bahawa kebudayaan bagi sesuatu masyarakat itu mempunyai garis-garis perbezaan tertentu. Ahli-ahli sosiologi dengan definasinya masing-masing mengikut aliran pemikiran yang menjadi anutan dan pegangan masing-masing sehingga makna atau definasi yang boleh disepakati bersama hampir sukar dicapai persetujuannya. Walau bagaimanapun secara umum dapatlah dikatakan bahawa kebudayaan itu addah "*cara hidup*" atau "*the way of life*." Pengertian itu mempunyai mang lingkup malma yang sangat luas, meliputi semua bidang kehidupan sosial, ekonomi dan politik.

Persoalan kebudayaan di Malaysia adalah berkait rapat dengan persoalan keperibadian negara Malaysia, yang tidak boleh kita samakan dengan bentuk rupa dan wajah negara-negara lain di dunia. Dipandang dari sudut ilmu alam, Malaysia merupakan suatu daerah yang bukan sifatnya memiliki rupa dan wajah keserantauan bersama Jepun, Korea atau China, di timur apatah lagi bersama dengan Greece, Itali atau Sepanyol, di Eropah ataupun berkongsi dengan Asia Selatan bersama India, Pakistan atau Bangladesh. Apa yang jelas tertonjol di kalangan negara-negara itu, menjadi bukti nyata yang tidak dapat disanggah lagi bahawa mereka masih terus berusaha mengekalkan keperibadian masing-masing samada secara sadar ataupun tidak. Faktor alam, keadaan dan masa banyak mempengaruhi keperibadian bangsa dan negara yang menjadi peransang untuk membawa perubahan kepada kebudayaan melalui pelbagai perkembangan terutama bersama sistem politik, ekonomi dan sosial. Menyedari hakikat itu, Malaysia haruslah bergerak pantas, membuat strategi bagi membina kepimpinan budaya dengan memantapkan keperibadiannya sendiri, meskipun mempunyai unsur-unsur persamaan dengan negara-negara anggota serantau yang lain.

BUDAYA YANG DIRANCANGKAN UNTUK PELANCONGAN

oleh

Arshad bin Abdul Rahman

Kebudayaan sebagai suatu kata atau sebagai satu konsep, mempunyai erti dan tafsiran yang luas, membezakan tradisi dan warisan pelbagai masyarakat, mengingatkan pula bahawa kebudayaan bagi sesuatu masyarakat itu mempunyai garis-garis perbezaan tertentu. Ahli-ahli sosiologi dengan definisinya masing-masing mengikut aliran pemikiran yang menjadi anutan dan pegangan masing-masing sehingga makna atau definisi yang boleh disepakati bersama hampir sukar dicapai persetujuannya. Walau bagaimanapun secara umum dapatlah dikatakan bahawa kebudayaan itu adalah "*cara hidup*" atau "*the way of life*". Pengertian itu mempunyai ruang lingkup makna yang sangat luas, meliputi semua bidang kehidupan sosial, ekonomi dan politik.

Persoalan kebudayaan di Malaysia adalah berkait rapat dengan persoalan keperibadian negara Malaysia, yang tidak boleh kita samakan dengan bentuk rupa dan wajah negara-negara lain di dunia. Dipandang dari sudut ilmu alam, Malaysia merupakan suatu daerah yang bukan sifatnya memiliki rupa dan wajah keserantauan bersama Jepun, Korea atau China, di timur apatah lagi bersama dengan Greece, Itali atau Sepanyol, di Eropah ataupun berkongsi dengan Asia Selatan bersama India, Pakistan atau Bangladesh. Apa yang jelas tertonjol di kalangan negara-negara itu, menjadi bukti nyata yang tidak dapat disanggah lagi bahawa mereka masih terus berusaha mengekalkan keperibadian masing-masing samada secara sedar ataupun tidak. Faktor alam, keadaan dan masa banyak mempengaruhi keperibadian bangsa dan negara yang menjadi peransang untuk membawa perubahan kepada kebudayaan melalui pelbagai perkembangan terutama bersama sitem politik, ekonomi dan sosial. Menyedari hakikat itu, Malaysia haruslah bergerak pantas, membuat strategi bagi membina kepimpinan budaya dengan memantapkan keperibadiannya sendiri, meskipun mempunyai unsur-unsur persamaan dengan negara-negara anggota serantau yang lain.

Penafsiran maksud kebudayaan, tidak seharusnya dipersempitkan sehingga boleh menimbulkan pelbagai pendapat, hanya kerana persoalan-persoalan remeh-temeh yang sengaja meminta penyelesaian malah kadangkala persoalan itu menyimpang jauh daripada landasan aspek-aspek pemikiran, konsep dan falsafahnya, tetapi dianggap sebagai suatu permasalahan besar yang amat memalukan. Sudah tiba masanya bersempena dengan 'Gerakan Cintailah Bahasa Kita' iaitu Bahasa Malaysia kita perlu melancarkan suatu 'gerakan bersepadu' atau 'gerak kesedaran budaya' yang berkesan untuk

memberi pendidikan dan bimbingan kepada masyarakat. Segala keraguan, salah faham dan tanggapan sempit yang berpunca dari kedudukan daya fikir yang rendah itu boleh dikurangkan dari semasa ke semasa. Gerakan itu haruslah melibatkan semua pihak termasuk para pendidik yang bermula dari sekolah rendah membawa kepada pusat-pusat pengajian tinggi, media massa yang mencakupi milik Kerajaan dan swasta, pemimpin-pemimpin politik dan orang perseorangan.

Di Malaysia, rupa dan wajah kebudayaan kebangsaan sudah ditetapkan oleh para pejuang kemerdekaan iaitu kebudayaan kebangsaan hendaklah berteraskan kebudayaan rakyat asal. Tanpa kebudayaan rakyat asal, tidak mungkin wujud kukuh dan unggulnya kebudayaan kebangsaan. Kebudayaan rakyat asal bukan kebudayaan orang-orang Melayu di Malaysia sahaja tetapi merupakan kebudayaan yang sudah lama bertapak kukuh, dianuti dan diamalkan oleh manusia di alam ini. Pengalaman sejarah telah membuktikan bagaimana kebudayaan rakyat asal telah membentuk rupa dan wajah dengan menerima unsur-unsur kebudayaan luar sehingga tanpa disedari menjadi milik sendiri dengan mengukuhkannya dalam suatu tradisi yang panjang.

Sewaktu Dasar Kebudayaan Kebangsaan digubal pada tahun 1971, masyarakat telah diajak berbincang dan berdebat terhadap pelbagai persoalan yang dianggap dapat memperkukuhkan landasan perjuangan sebuah kebudayaan di Malaysia. Dengan penuh hemat dan cermat, segala isu dan isi persoalan dibincangkan bersama hingga mencapai kata sepakat yang melahirkan bentuk rupa dan wajah kebudayaan negara ini, setelah mengambil kira segala ragam pengalaman kehidupan sebagai suatu keutamaan bahawa Malaysia tidak akan dapat dibina dan dibangunkan dengan pelbagai kemajuan dan kemakmuran tanpa memperkukuhkan perpaduan rakyat dan negara. Perpaduan mestilah berasaskan kepada persamaan-persamaan bukannya perbezaan. Persamaan di dalam kebudayaan membawa maksud melaksanakan usaha-usaha pemupukan nilai-nilai budaya yang progresif dan dinamik dengan rasa kecintaan yang tidak berbelah bagi terhadap negara, budaya kerja, budaya ilmu, ketahanan, sikap hormat menghormati dan setiap warga-negara tanpa ragu-ragu lagi, yakni yakin sepenuh hati, mestilah merasai bahawa hidup matinya negara ini sebagai persoalan hidup mati diri mereka sendiri. Hasrat ini pun masih gagal difahami oleh sebahagian besar rakyat bukan pribumi. Keadaan seumpama itu tidak harus dibiarkan berterusan begitu sahaja tanpa sesuatu usaha gigih yang berkesan dapat membuka semula fikiran ingin mengetahui sejarah.

Nilai-nilai rakyat yang baik seperti ketekunan, tolak ansur, gotong royong atau kejiranan merupakan suatu seruan berkesan untuk membina sikap kebangsaan yang seharusnya boleh diamalkan dan dihayati oleh semua rakyat tanpa mengira keturunan atau agama yang sudah tentu dapat membantu melahirkan segala tindak tanduk yang berkesan bagi mencapai satu titik pertemuan yang dikehendaki itu. Begitu juga ketika Kerajaan melancarkan 'Kepimpinan Melalui Teladan' atau 'Bersih, Cekap dan Amanah' bukanlah hanya ditujukan kepada masyarakat pentadbir, orang-orang politik atau pengusaha-pengusahaan sahaja bahkan seruan itu perlu dilaksanakan oleh semua rakyat dengan jujur dan ikhlas bagi membina sikap murni yang boleh melebarkan lagi titik pertemuan antara kaum. Titik pertemuan seharusnya menjadi nilai hidup bersama dalam budaya masyarakat yang menginginkan kebaikan dan bencikan rasuah serta kezaliman.